



Mohad Idris (dua dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas dalam serbuan di Tangkak.

Polis rampas dadah lebih 13kg

BIHARIAN

28/2/19

MS 87

Tangkak: Polis merampas pelbagai jenis dadah seberat 13.323 kilogram yang dianggarkan bernilai kira-kira RM280,212 dalam satu serbuan di sebuah rumah di Jalan Sialang di sini, malam Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendan Mohad Idris Samsuri, berkata polis menyerbu sebuah rumah di taman perumahan di Jalan Sialang pada jam 10.10 malam, susulan maklumat orang awam.

"Ketika serbuan dilakukan, ada dua lelaki warga tempatan berusia 35 dan 36 tahun dalam rumah terbabit. Bagaimanapun, pemeriksaan di dalam ru-

mah terbabit tidak menemui barang yang menyalahi undang-undang.

"Polis kemudian membuat pemeriksaan terhadap dua kenderaan iaitu Toyota Altis dan Nissan Almera yang kemudian menemui pelbagai jenis dadah termasuk yang dimasukkan ke dalam bungkusan makanan haiwan seberat 13.323 kilogram dan juga wang tunai yang dipercayai hasil jualan dadah sebanyak RM3,449.

"Antara dadah yang dirampas ialah heroin seberat 9.3607 kilogram; syabu (1.4623 kilogram); kafein (0.9656 kilogram); pil ecstasy (670 biji) dan pil

eramin 5 sebanyak 4,200 biji yang kesemuanya seberat 13.323 kilogram," katanya pada sidang media di IPD Tangkak di sini, semalam.

Dua suspek ditahan positif dadah

Mohad Idris berkata, pihaknya juga menahan dua lelaki terbabit bagi membantu siasatan dan ujian saringan air kencing mendapati kedua-dua suspek positif dadah.

"Pemeriksaan rekod pula mendapati kedua-dua suspek juga memiliki tujuh rekod lampau berkaitan dadah dan seorang daripadanya turut memi-

liki satu rekod berkaitan jenayah. Semua suspek kini direman selama seminggu hingga 3 Mac ini bagi membantu siasatan.

"Hasil siasatan awal, pihak polis percaya semua dadah yang dirampas ini adalah untuk pasaran tempatan iaitu Tangkak, Muar dan tempat-tempat lain yang mempunyai pusat hiburan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya masih melakukan siasatan menyeluruh dan kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum mati mandatori.